



Fail MDGM : 12/3/6 (22)
 Bertarikh : 22 Ramadan 1446H
 Bersamaan : 23 Mac 2025

Kemajlis

- SESIAPA YANG BERKENAAN-

.....

Tuan/Puan,

NOTIS PEMBERITAHUAN : AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171) DAN UNDANG-UNDANG KECIL HAIWAN MERAYAU-RAYAU MAJLIS DAERAH GUA MUSANG 2012

2. Adalah dimaklumkan bahagian Penguatkuasaan Majlis Daerah Gua Musang (MDGM) telah menjalankan operasi bagi haiwan merayau-rayau di bawah **Undang-Undang Kecil 3, Haiwan Merayau-Rayau Majlis Daerah Gua Musang 2012** dan keterangan berhubung haiwan merayau-rayau yang ditahan dan ditangkap adalah sebagaimana berikut:-

2.1 Empat (4) ekor lembu di laluan Gua Musang – Kuala Krai (Paloh & Chiku 02) dan di laluan Felda Chiku 06 – Felda Chiku 07

3. Walaubagaimanapun, sehingga kini 4 ekor lembu yang telah ditangkap masih belum dituntut oleh mana-mana pihak dalam tempoh tiga (3) hari daripada tarikh tangkapan sebagaimana **Undang-undang Kecil 5, Haiwan Merayau-rayau Majlis Daerah Gua Musang 2012**.

4. Selanjutnya, pihak MDGM akan mengambil tindakan pelupusan / jualan / lelongan barang tahanan / sitaan / rampasan daripada operasi haiwan merayau-rayau tersebut B sebagaimana berikut :-

| BIL | KETERANGAN HARTA | NO. PENANDA | KUANTITI | TARIKH TAHANAN | HARGA LANTAI (RM) |
|-----|---------------------------------|-------------|----------|----------------|---------------------|
| 1 | Lembu betina (Chiku 02) | Huruf - A | 1 | 18/3/2025 | 1550.00 |
| 2 | Lembu jantan (Paloh) | Huruf - B | 1 | 18/3/2025 | 2000.00 |
| 3 | Lembu betina (Felda Chiku 07) | Huruf - C | 1 | 18/3/2025 | 1550.00 |
| 4 | Lembu betina (Felda Chiku 07) | Huruf - D | 1 | 18/3/2025 | 1550.00 |



5. Sehubungan dengan itu, proses pelupusan / jualan / lelongan barang tahanan / sitaan / rampasan akan dibuat pada tarikh sebagaimana berikut:-


Tarikh : **25 Mac 2025 (Selasa)**
Masa : **9.30 pagi – 11.30 pagi**
Tempat : **Paun Tahanan (Taman Tasik Gua Musang)**

5. Tuan / Puan yang berminat boleh hadir membuat tawaran pada hari yang ditetapkan. Harga akan dilupuskan berdasarkan harga tawaran tertinggi. Bayaran perlu disempurnakan dengan segera pada hari yang sama sebelum jam 1.00 petang sebelum haiwan tersebut dapat diserahkan kepada pembuat tawaran yang berjaya dengan kos, risiko dan pengangkutan berkaitan semasa dan selepas jualan tersebut dibawah tanggungjawab pihak tuan / puan sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.


“ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”

Saya yang menjalankan amanah,


(AHMAD HAMDAN BIN UBAIDAH)
Setiausaha,
Majlis Daerah Gua Musang

Lokasi : Felda Chiku 02

Penanda : Betina (A)



Lokasi : Laluan Gua Musang – Kuala Krai (Paloh 2)

Penanda : Jantan (B)



Lokasi : Laluan Felda Chiku 05 – Felda Chiku 07

Penanda : Betina (C)



Lokasi : Laluan Felda Chiku 05 – Felda Chiku 07

Penanda : Betina (D)

